

# Tiada lagi masalah dengan istana

M 13 JUL 1990

Oleh  
Khalid Mohd.

**KOTA BAHARU 12 Julai — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad petang ini menegaskan bahawa Kerajaan Pusat kini sudah tidak lagi menghadapi sebarang masalah dengan pihak Istana Kelantan.**

Kerana ketiadaan masalah ini, kata beliau, soal pihak istana akan mempengaruhi prestasi Barisan Nasional Kelantan dalam pilihanraya akan datang tidak timbul.

Bercakap kepada para wartawan selepas menyampaikan amanat pilihanraya kepada para pemimpin dan ahli - ahli Barisan Nasional Negeri selama dua jam petang ini, Perdana Menteri menegaskan:

"Barisan Nasional khususnya UMNO semakin bertambah kuat di Kelantan."

Dato' Sri Dr. Mahathir yang jelas begitu riang di akhir lawatannya yang pertama untuk bertemu dengan para pemimpin Barisan Nasional menekankan bahawa yang menimbulkan masalah di Kelantan "hanyalah seorang sahaja."

Pihak istana tidak ada masalah dan tidak mempengaruhi mana - mana pihak," tambah beliau.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, sikap pegawai - pegawai kerajaan negeri yang tidak menyambut kedatangannya di Kelantan bukan berpunca daripada istana, tetapi berpunca daripada "orang yang seorang itu," yang menyekat mereka.

"Saya tidak nampak pengaruh daripada istana, yang saya nampak ialah pengaruh orang yang seorang ini, yang pandai memperalatkan semua pihak untuk kepentingan dirinya sendiri," ujarnya.

Perdana Menteri menambah, beliau sedar memang orang itu memaksa orang lain sehingga bila beliau melawat Kelantan pun tidak ada sambutan daripada pegawai - pegawai.

"Ini bukan kerana mereka dihalang oleh istana tetapi oleh orang yang seorang itu," tegas beliau.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata masalah di Kelantan hendaklah dilihat pada puncanya. "Kalau tidak ada orang yang seorang ini, tidak akan ada masalah."

Masalah dengan pegawai - pegawai kerajaan, tambah beliau, berpunca daripada hasutan orang ini.

Diminta menilai kekuatan Barisan Nasional, khususnya UMNO di Kelantan pada masa ini, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata partinya semakin hari semakin kuat kerana rakyat Kelantan semakin sedar.

Perdana Menteri menambah, tumpuan UMNO terhadap Pas telah membuat ramai ahli parti itu faham keadaan sebenar dan beliau yakin mereka tidak akan menyokong pakatan Pas - DAP.

Atas kesedaran rakyat itu, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata beliau semakin yakin kewujudan Semangat 46 dalam pilihanraya kali ini tidak akan menjejaskan kekuatan dan prestasi UMNO dan Barisan Nasional.

Mengenai lawatannya, Perdana Menteri menjelaskan bahawa ia bertujuan memperingati rakyat tentang sejarah perjuangan Barisan Nasional yang bermula dengan perikatan dan betapa perlunya prinsip perjuangan bersama kaum ini diteruskan untuk kesejahteraan negara dan generasi akan datang.